

SOALAN NO. 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE KIONG YIENG**  
**[Lanang]**

**TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Puan Alice Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah tanggungjawab dan SOP Jabatan Kebajikan Masyarakat apabila dihubungi terdapat orang papa merayau-rayau di tempat awam dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian jika pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mengambil tindakan yang sewajarnya apabila dihubungi.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandang serius terhadap setiap aduan yang dikemukakan oleh orang ramai. Sekiranya terdapat aduan orang awam berkaitan pengemis dan orang papa yang merayau-rayau di tempat awam sama ada melalui panggilan telefon ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Talian Kasih (15999) atau datang sendiri ke pejabat Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan sebagainya maka tindakan menyelamat secara *adhoc* dijalankan. Operasi menyelamat ini dijalankan di setiap daerah dan negeri yang diketuai oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah berdasarkan keperluan kes dan aduan yang diterima.

Tuan Yang Dipertua,

KPWKM sentiasa memandang serius berkaitan isu pengemis. Sekiranya terdapat sebarang isu atau kegagalan pegawai untuk melaksanakan

tanggungjawab, aduan boleh disalurkan terus ke kementerian untuk tindakan selanjutnya. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya Ahli Yang Berhormat dan anggota masyarakat sangatlah diharapkan bagi memastikan isu pengemis ini dapat ditangani sebaiknya.